



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' NOR SAM BINTI ALWI
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**DIBACAKAN OLEH
YBRS. ENCIK MAT IESAK BIN NGATHINEE
TIMBALAN KETUA PENGARAH PERTANIAN
(PENGURUSAN DAN REGULATORI)**

SEMPENA

**MAJLIS SEKALUNG BUDI SEINDAH AIDILFITRI
JABATAN PERTANIAN
TAHUN 2025**

DEWAN MAKSAK PUTRA, PRESINT 14

17 APRIL 2025 (KHAMIS)

10.30 PAGI

1. Pertamanya, izinkan saya menyampaikan salam hormat daripada YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi, Ketua Pengarah Pertanian. Beliau memohon maaf kerana tidak dapat hadir dalam majlis ini disebabkan komitmen urusan rasmi di kementerian. Maka, saya akan membacakan teks ucapan beliau.
2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi atas limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama bertemu dan berhimpun dalam suasana penuh kemesraan dan keberkatan di Majlis Sekalung Budi Seindah Aidilfitri Tahun 2025. Di kesempatan ini, belum terlewat untuk saya ucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.
3. Majlis ini cukup istimewa kerana menghimpunkan dua peristiwa penting dalam satu majlis, iaitu **sambutan Aidilfitri** yang melambangkan kesyukuran dan perpaduan, serta **majlis persaraan** warga Jabatan Pertanian yang penuh makna dan penghargaan. Gabungan dua majlis ini bukan sahaja mencerminkan keindahan ukhuwah dalam organisasi, malah menyerlahkan nilai kasih sayang, saling menghormati dan mengenang budi – nilai-nilai murni yang menjadi teras gagasan Malaysia MADANI.
4. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) selaku penganjur bersama majlis yang sangat bermakna ini.

Sidang hadirin sekalian,

5. Saya difahamkan seramai **50 orang pegawai** diraikan pada hari ini, terdiri daripada **Pegawai Pertanian, Penolong Pegawai Pertanian dan Pegawai Gunasama yang telah menabur bakti di Jabatan Pertanian**. Daripada jumlah ini, **seorang** daripada kumpulan Pengurusan Tertinggi, **6 orang** Pegawai Pengurusan & Profesional, serta **43 orang** terdiri daripada **Kumpulan Pelaksana**.
6. Mereka yang diraikan terdiri daripada **30 orang** yang **bersara wajib**; **14 orang bersara pilihan**, **seorang** bersara atas sebab kesihatan dan **5 orang** pesara terbitan.
7. Justeru, bagi pihak jabatan dan seluruh warga pertanian, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala **khidmat bakti, pengorbanan dan dedikasi** yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan tuan-tuan dan puan-puan. Sesungguhnya sumbangan ini tidak ternilai dan menjadi asas kukuh kepada pembangunan pertanian negara

Hadirin yang dihormati,

8. Menjadi penjawat awam bukan sekadar memenuhi tanggungjawab, tetapi satu **pengabdian kepada amanah rakyat dan negara**. Setiap langkah, cabaran dan pengalaman yang dilalui membentuk peribadi dan pemikiran kita – menjadikan kita bukan sahaja lebih matang dan berwawasan, tetapi juga lebih dekat kepada rakyat yang kita memberikan khidmat bakti.
9. Meskipun tuan-tuan dan puan-puan menamatkan perkhidmatan secara rasmi, namun **nilai dan legasi yang ditinggalkan akan terus hidup** dalam jiwa dan budaya kerja Jabatan Pertanian. Persaraan bukan noktah kepada khidmat bakti – ia adalah peluang untuk

membuka lembaran baharu, menyumbang melalui kepakaran yang ada, serta terus memberi inspirasi kepada generasi baharu.

10. Tambahan pula, usia persaraan adalah usia kematangan tertinggi – ruang untuk menulis buku, mengajar, menjadi mentor, atau menjelajah keindahan dunia yang selama ini tertangguh. Sama ada dalam bidang keusahawanan, kemasyarakatan, atau aktiviti spiritual, kita yakin bahawa pesara jabatan kita tetap akan menjadi sumber rujukan dan contoh teladan.
11. Sehubungan itu, kepada warga jabatan yang masih berkhidmat, jadikanlah majlis ini sebagai satu motivasi, bahawa setiap pengorbanan dan usaha hari ini akan dikenang dan dihargai. Kita harus kekal bersemangat dan bersatu hati, menjunjung budaya kerja cemerlang dan nilai integriti seperti yang digariskan dalam **kerangka Malaysia MADANI** – berteraskan nilai kemampanan, kesejahteraan, hormat, keyakinan, ihsan dan kasih sayang.
12. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan **selamat bersara dan selamat maju jaya** kepada semua pesara yang diraikan. Terima kasih atas segala sumbangan yang telah diberikan. Semoga terus sihat, diberkati dan dirahmati Allah SWT dalam setiap langkah kehidupan yang mendatang. Sebagai penutup, izinkan saya menyudahi ucapan dengan dua rangkap pantun:

***Pergi merantau ke anjung selatan
Berehat sebentar di pohon sentosa
Selamat bersara saya ucapkan
Luhur budi dikenang sentiasa***

***Berdayung sampan ke Tanah Semenanjung
Hendak membeli tikarlah rotan
Budi dikenang bakti disanjung
Kekal subur dalam ingatan***

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.